



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 04/2025



JAUHI DADAH

25 APRIL 2025M | 26 SYAWAL 1446H

الحمد لله القائل،

وَتِلْكَ الْقُرَىٰ أَهْلَكْنَاهُمْ لَمَّا ظَلَمُوا وَجَعَلْنَا لِمَهْلِكِهِم مَّوْعِدًا

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah Taala dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat rahmat dan keberkatan hidup di dunia dan di akhirat.

Sidang Jemaah yang dimuliakan,

Menjadi tanggungjawab yang besar bagi setiap orang yang beriman untuk menjaga nikmat yang dianugerahkan oleh Allah Taala dan menjauhi kemurkaan-Nya, kerana sebarang bentuk kemungkaran dalam kehidupan boleh mengundang kepada azab Allah yang maha pedih di dunia lagi, sebagaimana berlaku dalam



sejarah umat terdahulu. Allah Taala memberikan kelebihan kepada mereka seperti dikurniakan kebijaksanaan dalam membuat bangunan, kekuatan dan kehebatan dalam peperangan, dikurniakan nikmat rezeki dalam bentuk tanah yang subur untuk bercucuk tanam. Mereka dibinasakan oleh Allah Taala dengan sekelip mata kerana sikap mereka yang lalai dan melampaui batas sehingga mereka tidak sempat untuk berbuat apa pun. Firman Allah Taala dalam surah al-Kahfi ayat ke 59:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَتِلْكَ الْقُرَىٰ أَهْلَكْنَاهُمْ لَمَّا ظَلَمُوا وَجَعَلْنَا لِمَهْلِكِهِم مَّوْعِدًا

Yang bermaksud: “Dan (penduduk) negeri-negeri (yang derhaka) itu telah kami binasakan ketika mereka berbuat zalim dan telah kami tetapkan waktu tertentu bagi kebinasaan mereka”.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Ta’ala

Pada hari ini, sebahagian umat Islam sudah tidak merasa malu lagi untuk melakukan kemaksiatan dan kemungkaran seperti mencuri, meragut, berzina, mencabul kehormatan dan membunuh. Jenayah ini kebanyakannya berpunca daripada penyalahgunaan “dadah dan bahan”. Istilah “bahan” merujuk kepada vape, rokok, alkohol, ketum, menghidu gam dan petrol, dan bahan-bahan lain yang memudaratkan kesihatan. Kesan penyalahgunaan dadah dan bahan, adalah sama dengan kesan meminum arak kerana ia menyebabkan ketagihan serta menghilangkan kewarasan akal. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis riwayat Imam Muslim:



كُلُّ مُسْكِرٍ خَمْرٌ ، وَكُلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ

Yang bermaksud: *“Setiap yang memabukkan adalah arak dan setiap yang memabukkan itu adalah haram”*

Bermula dengan rasa ingin untuk mencuba, kemudian berakhir dengan kehancuran yang tidak pernah terjangka oleh sesiapa. Fikiran yang tenang menjadi kusut, jiwa yang tenteram menjadi serabut, badan yang sihat menjadi susut, keluarga yang harmoni bertukar kelam-kabut, semakin berleluasa jenayah mencuri dan meragut, akhirnya masyarakat yang sedia tenat semakin mereput.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,

Usaha awal kerajaan menangani masalah dadah adalah melalui tindakan undang-undang di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Manakala pada tahun 1983 kerajaan telah mengisytiharkan dadah sebagai musuh nombor satu negara, seterusnya mewujudkan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Pindaan akta ini telah diwartakan pada 17 Oktober 2024 bagi meluaskan akses Rawatan dan Pemulihan kepada penagih dan penyalah guna dadah dan bahan, serta menggalakkan rawatan dan pemulihan secara sukarela.

Pewartaan ini menjadi titik tolak kepada reformasi Rawatan dan Pemulihan yang memfokuskan perkhidmatan kepada rakyat yang mempunyai permasalahan dadah. Mereka boleh mendapatkan perkhidmatan secara sukarela melalui Rawatan Pemulihan Dalam Institusi (RPDI) dan Rawatan Pemulihan Dalam Komuniti (RPDK). Program Rawatan dan Pemulihan yang dijalankan di bawah AADK meliputi sembilan komponen keputihan iaitu rawatan perubatan dan



pendidikan kesihatan, pembentukan fizikal dan disiplin, bimbingan dan kaunseling, psikopendidikan, sivik dan tatanegara, latihan kemahiran vokasional, agama dan spiritual, sosial dan rekreasi serta integrasi masyarakat. Merujuk data AADK sehingga November 2024, seramai 14,205 orang klien telah menjalani program Rawatan dan Pemulihan dan kekal pulih daripada ketagihan dadah.

Bagi memupuk kesedaran bahaya dadah kepada masyarakat secara umumnya, AADK juga menjalankan Program Pendidikan Pencegahan meliputi sekolah, tempat kerja, komuniti dan keluarga. Masyarakat perlu ada kesedaran dan bersama-sama memainkan peranan dalam menyalurkan maklumat berkaitan dengan aktiviti penagihan dadah dan bahan, supaya kesan mudarat tersebut dapat dijaui dan dicegah pada peringkat awal.

Pada masa kini, *trend* penyalahgunaan dadah dan bahan, telah bertukar daripada dadah berasaskan tumbuhan seperti ganja, heroin dan morfin kepada dadah sintetik (berasaskan bahan kimia) seperti syabu, pil kuda, ekstasi dan lain-lain. Bahan dadah sintetik ini juga telah digunakan di dalam perasa vape (*flavor vape*). Pengambilan dadah jenis sintetik ini boleh mengundang jenayah kejam seperti yang dilaporkan oleh akhbar bertarikh 4 Disember 2024 bahawa seorang pemuda berusia 20-an sanggup menikam ibu kandungnya sehingga mati kerana disyaki berang ditegur menghisap *vape* yang mengandungi dadah.

Sidang jemaah yang dikasihi Allah Taala sekalian,

Hukum penyalahgunaan dadah dan bahan, di dalam Islam adalah haram kerana mendatangkan kerosakan (*mafsadah*) yang besar, sama ada kemudaratan kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat, mahupun menggugat kestabilan negara.



Justeru, kita wajib mengelakkan diri daripada menghampiri penyalahgunaan dadah memandangkan kesannya yang amat dahsyat. Bak pepatah Arab ada mengatakan:

الْوَقَايَةُ خَيْرٌ مِنَ الْعِلَاجِ

Yang bermaksud: “Mencegah itu lebih baik daripada mengubati”

Marilah kita bersama-sama membanteras penyalahgunaan dadah dan bahan, yang telah lama wujud dalam masyarakat. Jika kita langsung tidak ambil peduli urusan dalam keluarga dan masyarakat bahkan membiarkan kemungkaran ini terus bermaharajalela, bersedialah untuk kita berhadapan dengan kesan buruknya. Masyarakat perlu mengubah stigma dan tanggapan yang negatif kepada klien yang sudah pulih sepenuhnya. Mereka perlu diberi peluang untuk membaiki kelemahan diri dan kembali menjadi sebahagian daripada anggota masyarakat. Sikap yang positif daripada masyarakat amat diperlukan bagi memastikan golongan tersebut terus dibimbing dan dihargai.

Sidang Jemaah sekalian yang dimuliakan Allah Taala,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran untuk dijadikan panduan dalam kehidupan kita iaitu:

1. Hukum penyalahgunaan dadah dan bahan adalah haram di sisi syariat Islam
2. Kesan penyalahgunaan dadah amat memudaratkan diri, keluarga, masyarakat dan negara.



3. Menjadi tanggungjawab keluarga dan masyarakat untuk menerima semula klien yang telah kembali pulih.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ
عَزِيزٌ حَكِيمٌ

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.